



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2015

Rujukan : Bil (49) dlm.MBI.B1 /12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh

13 Januari 2015

Tuan Setiausaha Bandaraya
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

SILING TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA 2015

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.


2. Berhubung dengan perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa lanjutan daripada Pekeliling Kewangan Bil 4/2011 - Tatacara Tuntutan Elaun Lebih Masa Anggota Majlis Bandaraya Ipoh dan Penjimatan Bagi Tuntutan Elaun Lebih Masa bagi tahun 2015 serta setelah mengambilkira perbelanjaan sebenar tahun 2014 dan pergerakan gaji tahun 2015, pihak Majlis telah menetapkan Siling Tuntutan Elaun Lebih Masa bagi setiap jabatan untuk tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Setiap Ketua Jabatan perlu memastikan tuntutan Elaun Lebih Masa jabatan masing-masing adalah terkawal dan mematuhi semua prosedur yang telah ditetapkan terutama dalam menentukan tuntutan yang dibuat tidak melebihi siling peruntukan yang telah diberikan.

4. Peruntukan tahunan yang diberikan kepada setiap jabatan adalah muktamad dan tiada tambahan peruntukan akan diberikan. Bagi Jabatan yang menghadapi masalah peruntukan, perancangan perlu dibuat daripada peringkat awal supaya tuntutan Elaun Lebih Masa diganti dengan Cuti Rehat.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI"


(DATO' HARUN BIN RAHMAN)
Datuk Bandar Ipoh

Unit Belanja – B4/2/25/13

"INOVASI BERKUALITI MENJANA KECEMERLANGAN ORGANISASI"

inovasi
MAJLIS BANDARAYA IPOH